



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN PENYERTAAN, KEPIMPINAN DAN PENDAYAUPAYAAN
DALAM KALANGAN AHLI PERGERAKAN WANITA PEKEBUN KECIL DI
JOHOR, MALAYSIA***

FAUZIAH BINTI ANI

FEM 2016 12



**HUBUNGAN PENYERTAAN, KEPIMPINAN DAN PENDAYAUPAYAAN
DALAM KALANGAN AHLI PERGERAKAN WANITA PEKEBUN KECIL DI
JOHOR, MALAYSIA**

Oleh

FAUZIAH BINTI ANI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**HUBUNGAN PENYERTAAN, KEPIMPINAN DAN PENDAYAUPAYAAN
DALAM KALANGAN AHLI PERGERAKAN WANITA PEKEBUN KECIL DI
JOHOR, MALAYSIA**

Oleh

FAUZIAH BINTI ANI

April 2016

Pengerusi : Profesor Madya Asnarulkhadi bin Abu Samah, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Dalam konteks pembangunan komuniti, pendayaupayaan merupakan satu proses aktif yang mana individu, organisasi dan komuniti boleh bertindak untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Penyertaan ahli komuniti dalam aktiviti pembangunan didorong oleh faedah yang dijangka akan diperolehi adalah penting untuk meningkatkan keupayaan mereka untuk memperbaiki kehidupan yang lebih baik. Bertitik tolak daripada andaian tersebut, maka kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka dan mengenalpasti hubungan antara peringkat penyertaan dan pendayaupayaan ahli serta peranan gaya kepimpinan dalam Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) di negeri Johor.

Kajian ini dikhususkan kepada peringkat penyertaan yang terdiri daripada pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah bagi meramalkan pendayaupayaan yang terdiri daripada tiga dimensi iaitu ekonomi, sosial dan psikologi. Seramai 366 responden yang terdiri daripada ahli PWPK telah dipilih berdasarkan persampelan rawak berstrata yang dibahagikan mengikut daerah dan perkumpulan bagi menentukan tanda aras ketiga-tiga dimensi pendayaupayaan. Statistik deskriptif digunakan untuk menjelaskan ciri-ciri individu dan kumpulan sebagai langkah pertama dalam analisis data. Ujian Manova pula dilaksanakan bagi melihat perbezaan faktor pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) berasaskan tempoh penyertaan ahli PWPK. Seterusnya hubungan antara ketiga-tiga peringkat penyertaan dengan ketiga-tiga dimensi pendayaupayaan pula menggunakan analisis korelasi pearson.

Manakala statistik inferensi menggunakan Model Persamaan Struktur atau SEM berbantuan perisian AMOS 21 bagi mengkaji pengaruh peringkat penyertaan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah) ke atas pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi). Selain itu, peranan gaya kepimpinan (transformasional, transaksional dan *Laissez Faire*) sebagai

variabel penyederhana ke atas hubungan antara penyertaan dan pendayaupayaan juga dianalisis dengan menggunakan perisian ini.

Secara umumnya, keputusan menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana dan signifikan antara peringkat penyertaan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah) dengan pendayaupayaan sosial dan psikologi, dan hubungan yang tinggi antara peringkat penyertaan dalam pelaksanaan dan penerimaan faedah dengan pendayaupayaan ekonomi. Manakala keputusan analisis regresi pelbagai pula menunjukkan dimensi ekonomi merupakan dimensi yang paling banyak diterangkan oleh ketiga-tiga peringkat penyertaan iaitu sebanyak 84% varians, diikuti dimensi sosial (47%) dan psikologi (38%). Keputusan juga menunjukkan penyertaan dalam penerimaan faedah merupakan peramal yang paling penting dalam mempengaruhi pendayaupayaan ekonomi dalam PWPK. Selain itu, keputusan juga membuktikan bahawa dalam konteks PWPK, penyertaan dalam pembuatan keputusan merupakan variabel peramal yang paling rendah menerangkan ketiga-tiga dimensi pendayaupayaan. Seterusnya kesan penyederhanaan dalam kajian ini memperoleh dapatan kajian yang berbeza bergantung pada pada jenis gaya kepimpinan, peringkat penyertaan dan dimensi pendayaupayaan itu sendiri. Namun secara umumnya keputusan menunjukkan gaya kepimpinan transformasional dan transaksional memberi kesan penyederhanaan yang lebih kuat dan positif ke atas peringkat penyertaan dan pendayaupayaan berbanding *Laissez Faire* dan seterusnya menyokong kajian lepas.

Secara keseluruhannya dapatan daripada kajian ini membuktikan bahawa dengan adanya peringkat penyertaan yang tinggi, ditambahkan lagi dengan adanya pemimpin yang mempunyai gaya kepimpinan yang sesuai dalam OBK, menyumbangkan kepada peningkatan pendayaupayaan ekonomi, sosial dan psikologi ahli komuniti. Malahan penemuan kajian ini juga menyumbang dan memperluaskan pemahaman ke atas pendayaupayaan ahli OBK khususnya dalam konteks PWPK di Johor. Berdasarkan dapatan kajian ini juga beberapa cadangan telah dibuat ke arah meningkatkan pendayaupayaan ahli PWPK dengan memberi tumpuan kepada penyertaan dan gaya kepimpinan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**RELATIONSHIP BETWEEN PARTICIPATION, LEADERSHIP AND
EMPOWERMENT AMONG AHLI PERGERAKAN WANITA PEKEBUN KECIL
IN JOHOR, MALAYSIA.**

By

FAUZIAH BINTI ANI

April 2016

Chairman : Associate Professor Asnarulkhadi bin Abu Samah, PhD
Faculty : Human Ecology

Empowerment, in the context of community development, is an active process, in which individuals, organisations and community can take action to increase their standard of living. Community members' participation in development activities driven by expected benefits is important to accelerate their ability to improve their life. Therefore, this study was conducted to determine the relationship between level of participation and members' empowerment as well as leadership style in Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) in Johor. This survey is specified to the level of participation namely decision-making, implementation and acceptance of benefits to predict empowerment of three dimensions; economic, social and personal psychology. A total of 366 respondents from PWPK members were selected based on stratified random sampling which were divided according to regions and grouping to determine the benchmark of three-dimensional empowerment. Descriptive statistics were used to describe the characteristics of individuals and groups as a first step in data analysis. Manova analysis was conducted to determine the differences between empowerment factors (economy, social and psychology) with PWPK membership period. Next, the relationship between the three levels of participation in all three dimensions of empowerment was analysed using Pearson correlation analysis. Meanwhile, statistical inference employed Structural Equation Modelling or SEM aided with AMOS 21 software to study the effects of level of participation (decision making, implementation and benefits acceptance) to empowerment (economic, social and personal psychology). In addition, the role of leadership styles (transformational, transactional and LF) as the moderator variable to the relationship between participation and empowerment were also analysed by using this software.

In general, the results showed that there is a moderate and significant relationship in levels of participation (decision making, implementation and benefits acceptance) with social empowerment and personal psychology

empowerment, and a strong relationship between the level of participation in the implementation and acceptance of benefits of economic empowerment. Whereas the results of multiple regression analysis showed that the economic dimension is most widely described by the three levels of participation which is 84% of variance, followed by social dimension (47%) and psychological personal (38%). Results also showed that participation in receiving benefits is the most important predictor in influencing economic empowerment in PWPK. The results also showed that in the context of PWPK, participation in decision-making is the lowest predictor describing the three dimensional empowerment. The effects of moderation in this study obtained different results depending on the types of leadership style, level of participation and empowerment dimension. However, generally the results showed the transformational and transactional leadership styles give a stronger and more positive moderation effect on the level of participation and empowerment compared to LF, which support previous studies.

Overall, the findings of this study showed that with the presence of high levels participation, added by a leader with a leadership style that fits in Community Based Organization (CBO), contributed to the improvement of economic, social and psychological empowerment state of community members. In fact, the findings also contribute to and expand the understanding of empowering members of CBO, especially in the context PWPK in Johor. Based on the findings of this study, some suggestions were made to improve the empowerment among PWPK members with a focus given on participation and leadership style.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Segala Pujian ke Hadrat Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad SAW.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana di atas izin dan limpah kurnia Nya saya telah dapat menyiapkan tesis ini. Pelbagai cabaran dan rintangan yang saya lalui sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini. Namun, sokongan, dorongan, bimbingan dari pelbagai pihak telah memberikan suntikan semangat kepada saya untuk terus menulis sehingga terzhahirnya tesis ini. Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga saya huluskan kepada Profesor Madya Dr. Asnarulkhadi bin Abu Samah selaku penyelia utama, yang penuh kesabaran memberi tunjuk ajar, saranan, teguran, dorongan, suntikan semangat dan sentiasa memantau kemajuan penulisan ini sehingga dapat disempurnakan. Profesor Madya Dr. Ma'rof bin Redzuan dan Profesor Madya Dr. Norbaya binti Ahmad selaku ahli jawatankuasa penyeliaan, terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kerana sudi meluangkan masa, memberi pandangan dan menyemak penulisan tesis ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak RISDA Johor yang memberi laluan dan kerjasama kepada saya untuk membuat kajian tentang Pergerakan Kumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK). Sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh berbagai pihak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terutamanya Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPI) dan Unit Cuti Belajar, Pendaftar juga amat saya hargai. Seterusnya teristimewa untuk ahli keluarga yang disayangi, lestari budi kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kerana memahami perjuangan ini dalam menggapai impian.

Akhir sekali, untuk rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menemani ku di bilik Pasca Siswazah, UPM, terima kasih ku ucapkan atas perkongsian ilmu yang cukup bernilai.

Fauziah Binti Ani
April 2016

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 26 April 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Fauziah binti Ani bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan penyertaan, kepimpinan dan pendayaupayaan dalam kalangan Ahli Pergerakan Wanita Pekebun Kecil di Johor, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Hariza bin Hashim, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hanina Halimatusaadih Binti Hamsan, PhD

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Laily Binti Hj. Paim, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mustaffa Bin Omar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Julai 2016

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Utama Kajian	9
1.5 Objektif Khusus Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kesignifikanan Kajian	11
1.8 Skop dan Limitasi Kajian	12
1.9 Definisi dan Istilah Operasi	13
1.10 Rumusan	16
 2 KERANGKA TEORITIKAL DAN ULASAN LITERATUR	 17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Teori Pertukaran Sosial (<i>Social Exchange Theory</i>)	17
2.3 Teori Penyertaan Komuniti	20
2.3.1 Polemik Penyertaan Sebagai Cara (Mean) dan Penyertaan Sebagai Matlamat (End)	22
2.3.2 Tipologi Penyertaan	23
2.4 Teori Kepimpinan	27
2.4.1 Model Full Range Leadership (FRL)	27
2.4.1.1 Kepimpinan Transformasional	28
2.4.1.2 Kepimpinan Transaksional	30
2.4.1.3 Kepimpinan <i>Laissez Faire</i>	31
2.4.2 Kepimpinan OBK: Transformasional dan Transaksional	32
2.5 Teori Pendayaupayaan	34
2.5.1 Konsep Kuasa (Power)	36

2.5.2	Pendayaupayaan sebagai Cara (Mean) dan Hasil (End)	37
2.5.3	Tahap Pendayaupayaan	38
2.5.3.1	Pendayaupayaan Individu	39
2.5.3.2	Pendayaupayaan Organisasi	39
2.5.3.3	Pendayaupayaan Komuniti	40
2.6	Ulasan Literatur	41
2.6.1	Hubungan Penyertaan dan Pendayaupayaan	42
2.6.2	Hubungan Kepimpinan dan Pendayaupayaan	45
2.7	Peranan Kepimpinan sebagai Variable Penyederhana (Moderator)	47
2.8	Kerangka Konseptual	49
2.9	Kesimpulan	51
3	METODOLOGI KAJIAN	52
3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.3	Populasi dan Persampelan	53
3.3.1	Penentuan Saiz Sampel	55
3.4	Instrumentasi	58
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	61
3.6	Kajian Rintis	65
3.7	Pengumpulan Data	66
3.8	Penyediaan Data	67
3.8.1	Pembersihan dan Kehilangan Data	67
3.8.2	Analisis Faktor Konfirmatori	68
3.8.2.1	CFA Pembuatan Keputusan	71
3.8.2.2	CFA Perlaksanaan	72
3.8.2.3	CFA Penerimaan Faedah	72
3.8.2.4	CFA Peringkat Kedua (<i>Second Order</i>) Pendayaupayaan	73
3.8.2.5	CFA Gaya Kepimpinan Transformasional	76
3.8.2.6	CFA Gaya Kepimpinan Transaksional	77
3.8.2.7	CFA gaya kepimpinan <i>Laissez Faire</i>	78
3.8.3	Model Pengukuran	80
3.8.4	Multikolineariti	83
3.8.5	Ujian Normaliti	83
3.8.6	Nilai Ekstrim (Outliers)	83
3.8.7	Unidimensional	84
3.9	Analisis Data	84

3.9.1	Analisis Manova	84
3.9.2	Analisis Korelasi	85
3.9.3	Model Persamaan Struktur	85
3.10	Kesimpulan	87
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	88
4.1	Pengenalan	88
4.2	Ciri-ciri Demografi Responden	88
4.3	Tahap Pendayaupayaan, Kepimpinan dan Penyertaan	92
4.3.1	Tahap pendayaupayaan	92
4.3.1.1	Pendayaupayaan Ekonomi	93
4.3.1.2	Pendayaan Sosial	94
4.3.1.3	Pendayaupayaan Psikologi	95
4.3.2	Tahap Penyertaan	96
4.3.2.1	Tahap Pembuatan Keputusan	96
4.3.2.2	Tahap Perlaksanaan	97
4.3.2.3	Tahap Penerimaan Faedah	98
4.3.3	Gaya Kepimpinan	99
4.3.3.1	Gaya Kepimpinan Transformasional	100
4.3.3.2	Gaya Kepimpinan Transaksional	101
4.3.3.3	Gaya Kepimpinan <i>Laissez Faire</i>	102
4.4	Perbezaan pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) berdasarkan tempoh penyertaan ahli PWPK	103
4.5	Hubungan antara Peringkat Penyertaan dan Pendayaupayaan	106
4.6	Model Struktural (<i>Structural Model</i>)	109
4.7	Faktor Peramal Pendayaupayaan	110
4.7.1	Penyertaan sebagai Peramal kepada Pendayaupayaan Ekonomi	111
4.7.2	Penyertaan sebagai Peramal kepada Pendayaupayaan Sosial	111
4.7.3	Penyertaan sebagai Peramal kepada Pendayaupayaan Psikologi	112
4.7.4	Perbincangan	113
4.8	Kesan Penyederhanaan Gaya Kepimpinan ke atas Hubungan antara Penyertaan dengan Pendayaupayaan	116
4.8.1	Gaya Kepimpinan Transformasional sebagai Penyederhana	116
4.8.2	Gaya Kepimpinan Transaksional sebagai Variabel Penyederhana	120
4.8.3	Gaya Kepimpinan LF sebagai	124

	Penyederhana	129
4.8.4	Perbincangan	133
4.9	Kesimpulan	133
5	RINGKASAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	135
5.1	Pengenalan	135
5.2	Ringkasan Kajian	135
5.3	Rumusan Kajian	138
5.4	Implikasi Kajian	140
5.4.1	Implikasi Teoritikal	140
5.4.2	Implikasi Praktis	142
5.5	Cadangan Kajian	143
RUJUKAN		144
LAMPIRAN		162
BIODATA PELAJAR		193
SENARAI PENERBITAN		194

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Perbandingan Penyertaan sebagai Proses dan Matlamat	23
2.2	Perbandingan Komponen Model <i>Full Range Leadership</i>	31
2.3	Kuasa dan Pendayaupayaan	37
3.1	Populasi PWPK dan ahli berdasarkan Daerah dan Perkumpulan 2013	54
3.2	Saiz Sampel Ahli dan Jumlah PWPK bagi Setiap Daerah	56
3.3	Ringkasan Variabel dan Jumlah Item yang Digunakan dalam Kajian	61
3.4	Keputusan Korelasi Melalui Kajian Rintis	63
3.5	Jadual Kebolehpercayaan Kajian Rintis	64
3.6	Ringkasan Indeks Kesepadanan Model	69
3.7	Jumlah Item Setelah Melalui Proses CFA	79
3.8	Kesahan Membeza	82
3.9	Intepretasi Kekuatan Kesan Saiz	85
3.10	Penentuan Kekuatan Hubungan Cohen (1988)	85
3.11	Ringkasan Analisis Data	86
4.1	Ciri-Ciri Demografi Ahli PWPK	91
4.2	Interpretasi skor min	92
4.3	Tahap Pendayaupayaan Ekonomi	94
4.4	Tahap Pendayaupayaan Sosial	95
4.5	Tahap Pendayaupayaan Psikologi	95
4.6	Tahap Pendayaupayaan Berdasarkan Dimensi	96
4.7	Tahap Penyertaan dalam Pembuatan Keputusan	97
4.8	Tahap Penyertaan dalam Pelaksanaan	98
4.9	Peringkat Penyertaan dalam Penerimaan Faedah	98
4.10	Ringkasan Keputusan Peringkat Penyertaan	99
4.11	Gaya Kepimpinan Transformasional	101
4.12	Tahap Gaya Kepimpinan Transaksional	102
4.13	Tahap Gaya Kepimpinan LF	102
4.14	Ringkasan Dapatan Kajian bagi Gaya Kepimpinan	103
4.15	Skor Min bagi Tempoh Keahlian Ahli PWPK`	103
4.16	Ujian Box's M berdasarkan Tempoh Penyertaan berdasarkan pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi)	104
4.17	Ujian Levene	105
4.18	Ujian Multivariat	105
4.19	Ujian Antara Kumpulan	106
4.20	Hubungan antara Peringkat Penyertaan dan Pendayaupayaan	108
4.21	Keputusan Pengaruh Peringkat Penyertaan ke atas	110

	Pendayaupayaan	
4.22	Ringkasan Keputusan Regresi Pelbagai	113
4.23	Model Keseluruhan	116
4.24	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan Transformasional ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Pembuatan Keputusan dan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi)	118
4.25	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan Transformasional ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Pelaksanaan dengan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi).	119
4.26	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan Transformasional ke Atas Hubungan antara Peringkat Penyertaan dalam Penerimaan Faedah dengan Pendayupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi)	120
4.27	Keputusan Model Keseluruhan	120
4.28	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan Transaksional ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Pembuatan Keputusan dengan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi)	122
4.29	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan Transaksional ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Pelaksanaan dengan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi).	123
4.30	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan Transaksional ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Penerimaan Faedah dengan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi).	124
4.31	Model Keseluruhan LF sebagai Variabel Penyederhana	125
4.32	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan LF ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Pembuatan Keputusan dengan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi)	126
4.33	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan LF ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Pelaksanaan dengan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi)	127
4.34	Keputusan Ujian Penyederhanaan Gaya Kepimpinan LF ke atas Hubungan antara Penyertaan dalam Penerimaan Faedah dengan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi).	128
4.35	Matrik Ringkasan Keputusan bagi Kesan Penyederhanaan Gaya Kepimpinan ke atas Hubungan antara Penyertaan dan Pendayaupayaan	128

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Kerangka Konseptual Hubungan Penyertaan, Kepimpinan dan Pendayaupayaan	51
3.1	Prosedur Persampelan Pelbagai Peringkat	55
3.2	Model CFA bagi Penyertaan dalam Pembuatan Keputusan	71
3.3	Model CFA bagi Penyertaan dalam Pelaksanaan	72
3.4	Model CFA bagi Penyertaan dalam Memperolehi Faedah	73
3.5	Model CFA Tahap Kedua Akhir bagi Pendayaupayaan Ekonomi	74
3.6	Model CFA Pendayaupayaan Sosial	75
3.7	Model CFA Pendayaupayaan Psikologi	76
3.8	Model CFA Tahap Kedua bagi Gaya Kepimpinan Transformasional	77
3.9	Model CFA Tahap Kedua bagi Gaya Kepimpinan Transaksional	78
3.10	Model CFA Akhir Gaya Kepimpinan LF	78
3.11	Model Pengukuran	81
4.1	Model Struktural Kajian	109
4.2	Analisis Pelbagai Kumpulan Gaya Kepimpinan Transformasional	117
4.3	Analisis Pelbagai Kumpulan Gaya Kepimpinan Transaksional	121
4.4	Analisis Pelbagai Kumpulan Gaya Kepimpinan <i>Laissez Faire</i>	125

SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatankuasa
AIM	Amanah Iktiar Malaysia
AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
AGFI	<i>Adjusted Goodness of Fit Indicator</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CFI	<i>Comparative Fit Index</i>
FELCRA	<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FRL	<i>Full Range Leadership</i>
GFI	<i>Goodness of Fit Indicator</i>
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KEW	Kumpulan Ekonomi Wanita
KPW	Kumpulan Pengembangan Wanita
LF	<i>Laissez Faire</i>
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance Test</i>
MI	<i>Modification Indice</i>
MLQ	<i>Multiple Leadership Questionnaire</i>
NFI	<i>Normed Fit Index</i>
OBK	Organisasi Berasaskan Komuniti
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PWPK	Pergerakan Wanita Pekebun Kecil
RISDA	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
RMSEA	<i>Root Mean Square Error of Approximation</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
TLI	<i>Tucker Lewis Index</i>
WADIRA	Perkumpulan Wanita Dinamik FELCRA

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK) merupakan medium di peringkat akar umbi yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan komuniti setempat (Bess, Perkins, Cooper & Jones, 2011). Dikenali sebagai organisasi akar umbi berasaskan kumpulan di peringkat lokal, biasanya organisasi jenis ini bergerak secara kolektif bagi membangunkan komuniti (Opore, 2007).

Melalui OBK ahli komuniti berpeluang mengorganisasikan diri mereka untuk mengambil tindakan dengan merancang, mentafsirkan kehendak dan masalah, melaksanakan perancangan dengan sumber-sumber yang sedia ada yang digunakan untuk memperbaiki kehidupan mereka (Datta, 2005; Rubin & Rubin; 2008). Schulz, Israel, Zimmerman & Checkoway (1995) berpendapat keupayaan ahli-ahli OBK mengaplikasikan kemahiran, pengetahuan dan memobilisasikan sumber secara kolektif bagi memenuhi kehendak mereka menunjukkan pendayaupayaan sesebuah OBK.

Pendayaupayaan di peringkat OBK melibatkan kedua-dua proses iaitu keupayaan individu meningkatkan kawalan dalam organisasi, dan keupayaan organisasi mempengaruhi pembuatan keputusan di peringkat komuniti yang lebih besar. Namun begitu, keupayaan ahli organisasi mengawal dan meningkatkan taraf kehidupan bergantung kepada sejauh mana mereka menjadi organisasi itu medium pendayaupayaan (Israel, Checkoway, Schulz & Zimmerman, 1994).

OBK merangsang pendayaupayaan ahli komuniti melalui penyertaan. Cohen & Uphoff (1980) dan Bess et al.(2011) percaya melalui penyertaan, ahli-ahli komuniti memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka untuk membuat keputusan, memobilisasi dan menguruskan sumber, memantapkan interaksi dan penyelarasan. Seterusnya Datta (2005) pula melihat penyertaan yang aktif dalam OBK dijangka berupaya membina spiritual kemanusiaan, penerimaan, kebersamaan, kesetiaan dan komitmen dalam kalangan ahli yang membawa kepada kemajuan sosio ekonomi.

Ertinya, pencapaian sesebuah OBK dalam meningkatkan taraf hidup ahli komuniti bergantung kepada sejauh mana ahli komuniti yang menyertai aktiviti yang dianjurkan dan juga sejauh mana aktiviti tersebut memberi impak kepada tahap pendayaupayaan mereka dalam aspek kehidupan.

OBK mempunyai ciri-ciri yang berbeza mengikut tempat atau negara. Secara umumnya, OBK merupakan organisasi lokal yang bercirikan kejiranan, mempunyai skop dan saiz yang kecil serta berfokus pada isu yang memberi kesan langsung ke atas kehidupan ahli dan komuniti. Ia ditubuhkan dalam sesebuah komuniti berteraskan usaha kolektif bagi mencapai matlamat

pembangunan komuniti (Green, Paul & Haines, 2012; Opore, 2007; Bess et al., 2011; Fisher, 2013). Sebagai sebuah organisasi, OBK diurus dan dikawal oleh ahli-ahlinya sendiri tanpa ada penglibatan daripada pihak lain. Namun, ciri ini akan berubah apabila OBK menjadi bertambah kompleks dan memerlukan kepakaran serta bantuan daripada agensi kerajaan dan pihak swasta (Green, Paul & Haines, 2012).

OBK juga dikategorikan sebagai organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan (Opore, 2007). Ini kerana matlamatnya adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan dengan cara membangunkan keupayaan ahli-ahli komuniti melalui penyertaan aktif dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial. Namun begitu, menurut Green, Paul & Haines (2012), pada peringkat awal penubuhan, OBK merupakan organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan tetapi berubah menjadi sebaliknya apabila ia berkembang dan menjadi semakin kukuh khususnya dalam aktiviti ekonomi yang lebih komprehensif.

OBK ditubuhkan atas beberapa tujuan dan ia bergantung kepada permasalahan ataupun isu yang dihadapi oleh ahli-ahli komuniti setempat seperti kemiskinan, perumahan, alam sekitar, kesihatan, pendidikan, keselamatan, pembangunan modal insan dan sosial, dan lain-lain lagi (Hussain, Khattak & Khan, 2008). Terdapat OBK yang melaksanakan aktiviti pembangunan dan ada juga yang memberi perkhidmatan bagi memenuhi keperluan asas ahli komuniti (Bess et al., 2011).

Antara OBK yang bergiat aktif di kebanyakan negara seperti kesatuan mikro kredit, persatuan peladang, kelab belia, perkumpulan wanita, persatuan penduduk, pertubuhan berasaskan agama, persatuan ibu bapa dan lain-lain lagi (Opore, 2007; Bess et al., 2011). Di India, Bangladesh dan Pakistan merupakan antara negara yang menjadikan kesatuan mikro kredit sebagai strategi yang efektif dalam mengurangkan kadar kemiskinan serta membina pendayaupayaan wanita (Das, 2012). Manakala di Amerika Syarikat, *Community Development Corporation (CDC)* dan *Local Development Corporation (LDC)*, persatuan mikro kredit dan persatuan peladang merupakan contoh OBK yang melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi bagi mengatasi masalah kemiskinan bagi golongan yang berpendapatan rendah. Manakala kesatuan penduduk, persatuan ibu bapa, organisasi berasaskan agama dan kesatuan wanita pula merupakan contoh OBK yang berperanan mengurus dan memberi perkhidmatan kepada komuniti, dan ada sebahagiannya juga turut menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan (Green, Paul & Haines, 2012).

Di Malaysia, antara OBK yang memainkan peranan dalam pembangunan komuniti luar bandar ialah perkumpulan wanita seperti Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) di bawah RISDA, Perkumpulan Wanita Dinamis (WADIRA) di bawah FELCRA, Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW) di bawah Jabatan Pertanian, Kumpulan Sahabat di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan lain-lain lagi. Perkumpulan Wanita berfungsi sebagai sebuah OBK yang melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi dan menguruskan komuniti melalui pembangunan modal Insan.

Kajian lepas seperti Ahmed, Chamhuri Siwar & Noraini Idris (2011), Abraham (2011), Jakimow (2007), Mok (2005), Moyle, Dollard & Biswas (2006), dan Ndaaji & Asnarulkhadi (2013) menunjukkan perkumpulan wanita memainkan peranan dalam menguruskan komuniti dan melaksanakan aktiviti pembangunan yang memberi impak kepada tahap pendayupayaan ahli komuniti. Manakala Nur Hafizah Yusof & Rahimah Abdul Aziz (2012) mendapati melalui Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW), ahli berupaya membantu menjana pendapatan tambahan bagi mempertingkatkan taraf hidup keluarga di samping mempertingkatkan keupayaan diri melalui pengalaman dan latihan yang diterima. Kajian Zaimah Ramli (2010) menunjukkan bahawa penyertaan dalam perkumpulan Sahabat berupaya mempertingkatkan status ekonomi mereka dan menyumbangkan kepada pendidikan anak-anak mereka.

Golongan wanita sering dijadikan sebagai sasaran dalam pembangunan komuniti, memandangkan golongan ini dikaitkan dengan kemiskinan, berpendidikan rendah, tiada kemahiran dan latihan (Vijyanthi, 2002, Moyle et al., 2006; Idris & Selvaratnam, 2012). Ini bertepatan dengan usaha yang dilakukan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan kebanyakan negara sedang membangun untuk membantu mendayaupayakan golongan wanita dengan memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti pembangunan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar dan memberi peluang yang bernilai kepada golongan ini untuk bebas mengawal kehidupan mereka sendiri (Moyle, Dollard & Biswas, 2006).

Justeru itu, peranan wanita juga tidak seharusnya dikesampingkan dalam menentu kesejahteraan dan kemajuan keluarga mereka, dan yang paling utama ia merupakan sebahagian daripada penjana ekonomi negara (RISDA, 2012). Malahan dalam pembangunan komuniti peranan wanita di luar bandar turut mendapat perhatian daripada Perdana Menteri Malaysia, YAB. Datuk Sri Najib Tun Razak yang telah menggariskan pendekatan "4K" (keimpinan, keusahawanan, keilmuan dan kemahiran) bagi mendayaupayakan golongan ini supaya mereka lebih berdaya saing, memenuhi tuntutan semasa dan mampu menghadapi cabaran (Bernama, 2012). Justeru itu, OBK seperti PWPK dijadikan sebagai wadah untuk merealisasikan hasrat ini.

Dalam kajian ini fokus diberikan kepada PWPK memandangkan organisasi ini juga merupakan salah satu OBK dalam pembangunan luar bandar yang dibina untuk mendayaupayakan golongan wanita dalam keluarga pekebun kecil. PWPK ditubuhkan pada tahun 1978 oleh RISDA bagi tujuan untuk mendayaupayakan golongan wanita yang terdiri daripada isteri dan anak keluarga pekebun kecil dalam aspek ekonomi tambahan bagi membantu suami dan keluarga meningkatkan pendapatan dan seterusnya meninggikan taraf hidup mereka. Ini kerana pada ketika itu komuniti pekebun kecil terdiri daripada golongan petani yang mempunyai pendapatan yang rendah dan hidup dalam kemiskinan (Atang & Dzulkifli, 2014) Aktiviti PWPK kemudiannya diperluaskan kepada aktiviti kemasyarakatan, pendidikan, kesenian dan keagamaan (RISDA, 2012).

Sehingga tahun 2011, terdapat 836 buah PWPK dengan keahlian seramai 13,137 di Malaysia (RISDA 2012). Perkumpulan ini ditubuhkan di kampung-kampung yang menjadikan sektor pertanian sebagai sumber pendapatan dan

dianggotai kira-kira 15 orang wanita yang berumur antara 13 hingga 65 tahun tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.

Sebagai sebuah agensi yang mendukung matlamat dan hasrat kerajaan bagi mendayaupayakan komuniti luar bandar, RISDA menyediakan bimbingan, pengetahuan, kemahiran dan bantuan pinjaman kepada ahli PWPK untuk menggerakkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti kesejahteraan masyarakat dan juga peningkatan ekonomi.

Aktiviti yang dijalankan oleh ahli PWPK dalam aspek ekonomi antaranya termasuklah menjana ekonomi tambahan menerusi bidang keusahawanan dan perniagaan kecil-kecilan yang bercirikan tradisional dan menggunakan bahan-bahan yang berasaskan pertanian seperti membuat kraf tangan dengan menggunakan daun getah, makanan ringan, pemprosesan makanan, jahitan, kedai runcit, perabot, penternakan dan sebagainya. Misalnya pada tahun 2011, PWPK negeri Johor memperoleh sebanyak RM 819,588 hasil dan memperoleh pendapatan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan negeri lain.

Walaupun penjanaan ekonomi tambahan menjadi aktiviti yang paling dominan dalam PWPK, namun aktiviti-aktiviti lain juga turut dilaksanakan seperti aktiviti kemasyarakatan, keagamaan, pendidikan dan kesenian. Aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan misalnya, aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong dalam majlis kenduri perkahwinan, membersihkan balai raya, kawasan kediaman, masjid atau surau mampu meningkatkan hubungan yang erat dan seterusnya memupuk semangat kumpulan yang kuat dalam kalangan mereka. Hubungan yang erat dan semangat kumpulan yang kuat menyumbangkan kepada kejayaan PWPK.

Begitu juga dengan aktiviti lain seperti pendidikan (kelas bimbingan penjagaan anak dan keluarga, kelas penjagaan kesihatan, kelas pendidikan khusus, kelas teknologi maklumat), khidmat masyarakat (gotong royong, lawatan usrah dan ziarah, keagamaan), kebudayaan, kesenian dan sukan; serta ekonomi (kelas bimbingan ekonomi rumah tangga, pengenalan kepada kegiatan ekonomi). RISDA menyasarkan setiap PWPK perlu melaksanakan sekurang-kurangnya satu aktiviti pada setiap bulan.

Ringkasnya, OBK memainkan peranan dalam pembangunan komuniti di luar bandar. OBK menjadi medium pendayaupayaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan dalam usaha meningkatkan taraf hidup komuniti setempat. Selari dengan matlamat penubuhan, PWPK diharapkan menjadi medium pendayaupayaan bagi meningkatkan tahap kehidupan yang lebih selesa.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Pendayaupayaan menjadi strategi utama yang digunakan oleh agensi pelaksana di luar bandar untuk mendayaupayakan ahli komuniti khususnya golongan wanita menerusi OBK bagi mencapai matlamat pembangunan

komuniti. Malahan PBB sendiri mengiktiraf pendayaupayaan sebagai strategi dalam usaha menangani masalah “ketiadaan kuasa” (*powerless*) dalam kalangan wanita. Di samping menjamin keutuhan sesebuah keluarga, pendayaupayaan golongan wanita juga penting bagi memastikan golongan ini menyedari bahawa mereka mempunyai hak terhadap kehidupan dan berupaya membuat keputusan untuk menentukan apa yang dikehendaki dalam hidup mereka (Fatema et al., 2012). Peranan mereka bukan sahaja terhadap rumah tangga sahaja tetapi juga perlu diperluaskan dalam pembangunan komuniti dan juga negara.

Bagi golongan wanita yang terdiri daripada isteri dan anak keluarga pekebun kecil, mereka seringkali dilabelkan sebagai golongan yang tidak berdayaupaya mengawal sfera kehidupan khususnya dalam aspek ekonomi, sosial dan psikologi yang menyebabkan mereka hidup dalam keadaan kemiskinan. Dari aspek ekonomi, kebanyakan golongan wanita pekebun kecil terdiri suri rumah yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang menghasilkan sumber pendapatan tetap seperti pertanian dan penternakan (Fadilah, 1984; Pekeliling Risda, 2012). Malahan golongan ini terpaksa bergantung hidup kepada suami atau bapa mereka yang menjadikan pertanian sebagai pekerjaan utama. Bagi wanita yang sudah berkahwin, tanggung jawab utama adalah pada rumah tangga (Nik Rozana, 2015; Yusoff & Aziz, 2012; Pekeliling RISDA, 2012).

Dari aspek sosial, golongan wanita pekebun kecil juga dikatakan kurang memainkan peranan dalam aktiviti kemasyarakatan, kesenian, keagamaan, kebudayaan, pendidikan anak dan keluarga (Pekeliling Risda 2012). Dari aspek psikologi pula, mereka dikatakan kurang keyakinan diri dan tidak proaktif dalam melakukan tindakan yang membawa perubahan kepada diri sendiri, keluarga dan komuniti (Acharya, Yoshino, Jimba & Wakai, 2005).

Kajian yang dilakukan oleh Acharya, Yoshino, Jimba & Wakai (2005) mendapati golongan wanita luar bandar khususnya dari keluarga petani kurang merebut peluang dan mengambil inisiatif dalam aktiviti pembangunan komuniti yang memberi ruang kepada mereka untuk berinteraksi dan membina hubungan kerjasama secara meluas dengan individu, perkumpulan dan agensi kerajaan yang lain. Menerusi interaksi, mereka berkongsi masalah dan pandangan, saling bantu-membantu serta bersama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ini kerana bagi mendayaupayakan golongan wanita, sumber luar seperti bantuan, pinjaman, kemahiran dan pengetahuan juga diperlukan dengan cara membina hubungan yang baik dengan pihak lain. Selain itu, golongan wanita juga dikatakan mempunyai keyakinan diri dan estim yang rendah dan tidak proaktif dalam mengambil tindakan yang membawa perubahan kepada diri sendiri, keluarga dan komuniti (Acharya, Yoshino, Jimba, & Wakai, 2005).

Bagi meningkatkan status kehidupan yang lebih baik dan menghakis sikap kebergantungan kepada keluarga dan komuniti, menurut Hossain & Jaim (2011), golongan ini perlu didayaupayakan bagi menghasilkan perubahan yang memberi impak kepada kesejahteraan hidup diri dan keluarga. Selain itu ia juga bagi memastikan peranan mereka tidak dikesampingkan dan menyedari bahawa mereka mempunyai kebebasan dalam membuat keputusan bagi menentukan apa yang terbaik untuk diri, keluarga dan komuniti. Malah

menerusi pendayaupayaan, tahap keyakinan, estim diri dan sikap proaktif dapat dipertingkatkan (Yusoff & Aziz, 2012).

Bagi mengatasi permasalahan ketidakupayaan golongan wanita pekebun kecil, maka pelbagai program diperkenalkan oleh RISDA untuk meningkatkan taraf kehidupan diri, keluarga dan juga komuniti khususnya dalam aspek ekonomi, sosial dan psikologi. Atas keperluan ini, golongan wanita daripada keluarga pekebun kecil menyertai aktiviti-aktiviti penjana pendapatan tambahan, kemasyarakatan dan pembangunan diri dengan bantuan, bimbingan dan sokongan daripada pihak RISDA. Menerusi aktiviti-aktiviti pembangunan PWPK, mereka berkemungkinan berpeluang membina keupayaan setelah bertambah pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka. Namun begitu, sejauh mana keupayaan terbina bergantung kepada sejauh mana ahli-ahlinya menjadikan organisasi ini sebagai medium yang dapat mendayaupayakan mereka bagi mengawal kehidupan dan mengatasi permasalahan yang memberi impak kepada kehidupan. Berasaskan isu pendayaupayaan, timbul beberapa persoalan yang mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ke atas ahli PWPK.

Pertama, adakah menerusi PWPK, ahli berupaya memperoleh pendapatan yang membolehkan mereka mempunyai aset dan simpanan. Kedua, adakah menerusi PWPK mereka boleh membina ikatan hubungan sesama ahli, dengan PWPK yang lain dan kesemuanya itu membolehkan mereka bertindak secara kolektif, berkongsi pengalaman bagi mengatasi permasalahan yang melanda kehidupan mereka. Ketiga, adakah menerusi PWPK, golongan wanita daripada keluarga pekebun kecil berupaya meningkatkan estim diri, kebanggan diri dan lebih proaktif dalam mengambil apa jua tindakan yang membawa kepada perubahan yang lebih baik ke atas kehidupan mereka.

Terdapat pelbagai kajian yang memfokuskan ke atas OBK di Malaysia tetapi masih tiada kajian yang mengkaji PWPK yang dikaitkan dengan isu pendayaupayaan. Sebaliknya kajian OBK seperti Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM (Zaimah Ramli, 2010; Normah Saad, 2010), Kumpulan Ekonomi Wanita atau KEW (Yusoff & Aziz, 2012), Persatuan Ibu Tunggal (Noraini & Selvaratnam, 2012), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau JKKK (Bahaman & Silva, 2009; Yusof, 2003) memfokuskan kepada isu penyertaan, kepimpinan, pengurusan, keberkesanan program dan lain-lain. Justeru, perlu ada kajian empirikal secara mendalam yang melibatkan pendayaupayaan ahli OBK di Malaysia. Selain itu, kajian pendayaupayaan lebih banyak berfokus kepada dimensi ekonomi dan psikologi (Mok & Sing, 2006; Christens, Peterson & Speer, 2011; Peterson, Lowe & Hughey, 2006; Peterson & Hughey, 2004; Peterson & Speer, 2000; Mok, 2005; Moyle, Dollard & Biswas, 2006; Cheung & Mok, 2005). Manakala kajian dimensi lain khususnya dimensi sosial kurang diberi perhatian.

Terdapat pelbagai faktor-faktor yang mempengaruhi pendayaupayaan ahli komuniti. Kajian Laverack (2001), Ajayi (2006), Hardina (2003), Asnarulkhadi (2006), Heritage & Dooris (2009), Nikkhah (2009), York (2000), Eklund (1999), Speer, Peterson, Armstead & Allen (2012) mendapati penyertaan aktif dalam aktiviti pembangunan mempengaruhi pendayaupayaan ahli komuniti. Kajian Laverack (2001), Hughey, Peterson, Lowe & Oprescu (2008); Peterson &

Speer (2000) pula dalam kajian mereka percaya bahawa pendayaupayaan hanya boleh direalisasikan menerusi organisasi yang mempunyai kepimpinan yang efektif, mobilisasi sumber, penilaian masalah, struktur organisasi, pengurusan program yang cekap, dan peranan agen luar. Seterusnya, kajian Hughey, Peterson, Lowe & Oprescu (2008) dan Mahmud, Shah & Becker (2012) pula mendapati ciri-ciri demografi seperti jantina, umur, status ekonomi, pendidikan dan semangat kemasyarakatan mempunyai hubungan signifikan dengan pendayaupayaan di peringkat individu. Mahmud, Shah & Becker (2012) melihat peranan media mempunyai hubungan yang positif dengan pendayaupayaan wanita di Bangladesh. Manakala sokongan dan peranan keluarga dikenal pasti oleh Mokomane (2012) sebagai faktor yang memperluaskan pendayaupayaan ekonomi dan sosial individu di Afrika Selatan.

Kajian ini pula mengkaji penyertaan sebagai faktor yang mempengaruhi pendayaupayaan. Berbeza dengan kajian lain, pengkaji menggunakan model penyertaan Cohen & Uphoff (1971) yang merangkumi tiga peringkat penyertaan iaitu pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah. Penyertaan (variabel bebas) dijadikan sebagai variabel yang mempengaruhi ketiga-tiga dimensi pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi). Manakala gaya kepimpinan pula bertindak sebagai variabel penyederhana ke atas hubungan antara penyertaan dan pendayaupayaan.

Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penyertaan dan pendayaupayaan (York, 2000; Laverack, 2001; Ajayi, 2006; Hardina, 2003; Asnarulkhadi, 2006; Heritage & Dooris, 2009; Nikkhah, 2009; York, 2000; Eklund, 1999; Speer, Peterson, Armstead & Allen, 2012; Schulz, Israel, Zimmerman & Checkoway, 1995). Namun begitu, hasil kajian tersebut tidak boleh direfleksikan secara total dalam konteks Malaysia yang secara jelasnya mempunyai latar belakang sejarah dan budaya yang berbeza dengan negara lain. Majoriti kajian pendayaupayaan dilihat dalam konteks keupayaan wanita dalam membuat keputusan secara bebas dan saksama dengan lelaki berasaskan teori feminisme. Kajian ini pula lebih melihat peranan dan keupayaan wanita dalam membantu meningkatkan tahap kehidupan dan kemajuan keluarga dan komuniti menerusi penyertaan mereka dalam aktiviti pembangunan. Pengkaji ingin menentukan apakah tempoh penyertaan atau jangka masa yang relevan bagi ahli PWPK mempertingkatkan keupayaan ekonomi, sosial dan psikologi. Sejauh mana peringkat penyertaan golongan wanita daripada keluarga pekebun kecil dalam aktiviti-aktiviti pembangunan, dan sejauh mana penyertaan tersebut memberi kesan yang positif ke atas pendayaupayaan ekonomi, sosial dan psikologi ahli PWPK. Justeru, kajian ini perlu dilakukan bagi melihat sejauhmana penyertaan menjadi medium pendayaupayaan dalam PWPK.

Seterusnya, aspek kepimpinan juga turut dikaji dalam kajian ini. Gaya kepimpinan pemimpin boleh mempengaruhi darjah penglibatan dalam sesebuah organisasi (Emery, Fernandez, Gutierrez-montes & Flora, 2007). Sebagai sebuah OBK, faktor gaya kepimpinan dan juga penyertaan perlu dikaji bagi memastikan PWPK muncul sebagai OBK yang berfungsi secara efektif untuk mendayaupayakan ahli-ahlinya, dan relevan dalam konteks pembangunan komuniti luar bandar.

Kajian lepas membuktikan kepimpinan memainkan peranan yang penting mendayaupayakan ahli dalam sesebuah organisasi (Hughey et al., 2008; Maton, 2008; Speer et al., 2012; Sinha, 2005; Givens, 2008; Boehm & Staples, 2008; Boonyarit, Chomphupart & Arin, 2010). Dalam konteks OBK, pemimpin lebih menekankan kepada pembentukan hubungan kesalingan antara pemimpin dan pengikutnya melalui pengaruh dan interaksi (Pigg, 1999; Peterson & Speer, 2000; Laverack, 2001). Keberkesanan seseorang pemimpin komuniti mendayaupayakan pengikutnya bergantung kepada sejauh mana dia mampu mempengaruhi pengikutnya menerusi gayanya untuk menyertai secara aktif dalam aktiviti atau projek pembangunan yang memberi perubahan kepada kehidupan mereka.

Walaupun majoriti kajian mengkaji gaya kepimpinan model *Full Range Leadership* (FRL) Bass & Avolio (1991) dalam konteks organisasi yang lebih formal dan berstruktur, namun gaya kepimpinan transaksional dan transformasional dilihat oleh Davies (2009) sebagai menepati ciri-ciri kepimpinan OBK. Gaya kepimpinan transaksional mempengaruhi pengikutnya melalui ganjaran, manakala gaya kepimpinan transformasional berasaskan kepada emosi dan aspirasi. Begitu juga PWPK, sebagai sebuah organisasi, cara gaya pemimpin wajar diteliti untuk menjelaskan bagaimana ia mempengaruhi ahlinya untuk terlibat dalam aktiviti pembangunan. Pengkaji ingin mengkaji apakah jenis gaya kepimpinan yang ditawarkan oleh pengurus (pemimpin) dan sejauh mana ia bertindak sebagai variabel penyederhana yang mampu mempengaruhi hubungan antara peringkat penyertaan dan pendayaupayaan ahli-ahli PWPK. Ini bermaksud, adakah gaya kepimpinan yang berbeza memberi kesan yang berbeza ke atas peringkat penyertaan dan seterusnya mempengaruhi pendayaupayaan. Peranan gaya kepimpinan sebagai variabel penyederhana perlu di kaji bagi menentukan sama ada berlaku perubahan jika variabel lain wujud dalam hubungan tersebut.

Kesimpulannya, walaupun terdapat banyak kajian yang menjadikan pendayaupayaan sebagai permasalahan kajian, namun dalam konteks OBK di Malaysia khususnya PWPK masih belum dikaji lagi. Malahan kajian yang sedia ada melihat pendayaupayaan wanita secara umum dan tidak secara terperinci mengikut dimensi (Karina, Klasen, & Lebmman, 2015).

Begitu juga, majoriti literatur yang mengaitkan penyertaan sebagai faktor yang signifikan yang mempengaruhi pendayaupayaan, namun hanya segelintir sahaja kajian yang mengkaji gaya kepimpinan yang menggunakan model FRL dalam konteks OBK. Aspek kepimpinan perlu dikaji bagi memastikan OBK bertindak sebagai medium pendayaupayaan yang berupaya meningkatkan tahap kehidupan dan kemajuan golongan wanita dari keluarga pekebun kecil.

Atas keperluan ini, Berkowitz (2000) dan Perkins & Zimmerman (1995) berpendapat walaupun kajian lepas membuktikan pendayaupayaan dan penyertaan mempunyai hubungan yang signifikan namun perlu ada mekanisme yang mengawal hubungan tersebut. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan teoritikal menerusi kerangka konseptual yang sesuai dengan menggunakan teori pendayaupayaan Rappaport (1987) yang menggabungkan tiga dimensi (ekonomi, sosial dan psikologi), teori penyertaan Cohen & Uphoff (1971), dan model FRL oleh Bass & Avolio (1991).

Oleh yang demikian, bertitik tolak kepada permasalahan tersebut, pengkaji mengemukakan beberapa persoalan kajian seperti berikut;

1.3 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) ahli-ahli PWPK.
- ii. Apakah peringkat penyertaan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah) ahli dalam aktiviti-aktiviti PWPK
- iii. Apakah tahap gaya kepimpinan model Full Range Leadership (Transformasional, Transaksional, *Laissez Faire*) yang dipamerkan oleh pemimpin dalam PWPK.
- iv. Adakah terdapat perbezaan pendayaupayaan ekonomi, sosial dan psikologi berdasarkan tempoh penyertaan ahli PWPK.
- v. Adakah wujudnya hubungan peringkat penyertaan dengan tahap pendayaupayaan ahli PWPK.
- vi. Adakah peringkat penyertaan mempengaruhi pendayaupayaan ahli PWPK.
- vii. Adakah gaya kepimpinan model FRL bertindak sebagai penyederhana ke atas hubungan antara penyertaan dan pendayaupayaan ahli-ahli PWPK.

1.4 Objektif Utama Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti peringkat penyertaan yang terdiri daripada pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah yang mempunyai hubungan yang signifikan dan seterusnya menjadi peramal yang unik bagi pendayaupayaan ekonomi, sosial dan psikologi ahli PWPK. Selain itu, ingin menentukan peranan gaya kepimpinan yang paling efektif dalam mempengaruhi hubungan penyertaan dan pendayaupayaan.

1.5 Objektif Khusus Kajian

- i. Menentukan tahap pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) dalam kalangan ahli PWPK.
- ii. Menentukan peringkat penyertaan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah) dalam kalangan ahli PWPK

- iii. Menentukan tahap gaya kepimpinan (Transformasional, Transaksional, Laissez Faire) yang dipamerkan oleh pemimpin PWPK.
- iv. Mengkaji perbezaan faktor pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) berasaskan tempoh penyertaan ahli PWPK.
- v. Menguji hubungan penyertaan dengan pendayaupayaan ahli PWPK.
- vi. Mengenalpasti faktor yang menjadi peramal yang unik ke atas pendayaupayaan dalam kalangan ahli PWPK.
- vii. Mengkaji gaya kepimpinan model FRL yang bertindak sebagai penyederhana ke atas hubungan antara peringkat penyertaan dan pendayaupayaan dalam kalangan ahli PWPK.

1.6 Hipotesis kajian

Berasaskan objektif di atas, berikut adalah hipotesis yang diuji;

- Ha₁ Peringkat penyertaan dalam pembuatan keputusan, merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan ekonomi.
- Ha₂ Peringkat penyertaan dalam pelaksanaan merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan ekonomi.
- Ha₃ Peringkat penyertaan dalam penerimaan faedah merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan ekonomi.
- Ha₄ Peringkat penyertaan dalam pembuatan keputusan merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan sosial.
- Ha₅ Peringkat penyertaan dalam pelaksanaan merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan sosial.
- Ha₆ Peringkat penyertaan dalam penerimaan faedah merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan sosial.
- Ha₇ Peringkat penyertaan dalam pembuatan keputusan merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan psikologi.
- Ha₈ Peringkat penyertaan dalam pelaksanaan merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan psikologi.
- Ha₉ Peringkat penyertaan dalam penerimaan faedah merupakan peramal yang signifikan kepada pendayaupayaan psikologi.

- Ha₁₀ Gaya kepimpinan transformasional bertindak sebagai penyerderhana dalam hubungan pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah, dengan pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi).
- Ha₁₁ Gaya kepimpinan transaksional bertindak sebagai penyerderhana dalam hubungan pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah, dengan pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi).
- Ha₁₂ Gaya kepimpinan LF bertindak sebagai penyerderhana dalam hubungan pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah, dengan pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) .

1.7 Kesignifikanan Kajian

Kesignifikanan kajian ini dapat dilihat dengan beberapa cara iaitu;

Pertama, sungguhpun kajian peringkat penyertaan dan pendayaupayaan dalam kalangan keluarga pekebun kecil banyak dilakukan di negara sedang membangun, namun hasil dapatannya mungkin tidak menggambarkan secara total kepada masyarakat Malaysia yang mempunyai latar belakang sejarah dan budaya yang berbeza. Ulasan literatur juga tidak berupaya menempatkan tahap pendayaupayaan dalam kontek Malaysia. Ini kerana peringkat penyertaan dan pendayaupayaan yang digunakan lebih cenderung menekan nilai kebebasan khususnya wanita dalam proses pembuatan keputusan yang berasaskan kepada teori feminisme.

Kedua, kajian mengukur peringkat penyertaan dan pendayaupayaan ke atas ahli PWPK yang terdiri daripada isteri dan anak pekebun kecil. Pihak kerajaan melihat golongan ini memainkan peranan penting dalam aktiviti PWPK dan memberi kesan yang signifikan ke atas sosiokonomi keluarga. Justeru, kajian ini perlu dilakukan bagi melihat sejauhmana penyertaan menjadi medium pendayaupayaan dalam PWPK. Peringkat penyertaan dan pendayaupayaan ini juga memperlihatkan sejauhmana aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan memberi impak yang positif terhadap kehidupan mereka. Melalui maklumat ini juga dapat membantu RISDA merancang dan menyusun strategi-strategi yang lebih efektif bagi mendayaupayakan ahli PWPK khususnya kepada ahli yang kurang aktif.

Ketiga, kajian ini juga dapat memberi input kepada kerajaan tentang kepentingan aspek kepimpinan dalam OBK. Sebagai sebuah organisasi di peringkat akar umbi, pemimpin dan kepimpinan merupakan elemen penting yang perlu dibangunkan bagi menjadikan PWPK sebagai OBK yang benar-benar memainkan peranannya dalam membawa perubahan kepada kehidupan ahli komuniti dan seterusnya memenuhi matlamat pembangunan komuniti luar bandar. Pemimpin OBK juga membantu agensi-agensi kerajaan merancang pembangunan yang sesuai dengan keperluan dan masalah kehidupan mereka dengan memobilisasikan sumber-sumber yang sedia ada. Ia juga diharapkan

dapat membantu penggubal dasar untuk merangka program bagi membangun dan memperkukuhkan institusi kepimpinan dalam OBK.

Keempat, PWPK telah ditubuhkan lebih 30 tahun (1978 sehingga kini). Sepanjang tempoh tersebut PWPK telah melalui pelbagai era pembangunan dan dasar kerajaan. Perubahan yang berlaku kemungkinan memberi kesan kepada PWPK dari segi peranan, pendekatan dan kerelevanannya dalam aktiviti pembangunan luar bandar. Selain itu, perubahan ini juga dapat melihat keberkesanan PWPK sebagai medium pendayaupayaan golongan wanita dalam mempertingkatkan taraf hidup mereka.

Kelima, kajian ini juga dapat membuka ruang lebih banyak kajian pendayaupayaan komuniti luar bandar khususnya dalam golongan keluarga pekebun kecil berdasarkan perspektif ilmu sosiologi. Ia memberi senario latar asas sosioekonomi pekebun kecil khususnya golongan wanita yang menjadikan bidang pertanian sebagai sumber yang mencorakkan kehidupan mereka.

1.8 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di negeri Johor memandangkan negeri ini mempunyai sebanyak 136 buah organisasi dengan jumlah keahlian yang paling ramai iaitu sebanyak 2,758 orang berbanding negeri yang lain. PWPK negeri tersebut juga menjana jumlah pendapatan tahunan yang paling tinggi iaitu sebanyak RM 819,588 bagi tahun 2011 menerusi aktiviti ekonomi tambahan. Selain itu, PWPK di negeri ini juga turut melaksanakan aktiviti-aktiviti sosial yang lain. Jumlah keahlian yang ramai memudahkan penyelidikan dijalankan bagi mendapatkan responden. Daripada 136 buah PWPK, sejumlah PWPK yang aktif dipilih berdasarkan penyertaan aktif ahli dalam aktiviti yang dianjurkan oleh PWPK.

Dari segi kawasan kajian pula melibatkan kesemua daerah di Johor. Namun begitu terdapat daerah yang digabungkan menjadi satu kawasan kajian. Daerah Muar digabungkan dengan daerah Ledang. Manakala daerah Kota Tinggi digabungkan dengan daerah Kulai dan Johor Baharu. Batu Pahat pula digabungkan dengan Simpang Renggam. Daerah-daerah lain pula yang terlibat ialah Pontian, Kluang dan Mersing. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang dikaji adalah sebanyak 7 kawasan yang melibatkan 10 daerah.

Oleh kerana terdapat banyak aktiviti yang dilaksanakan oleh PWPK, maka pengkaji mengkategorikan aktiviti-aktiviti tersebut kepada dua bahagian iaitu aktiviti ekonomi dan aktiviti sosial. Aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh ahli PWPK hanya terhad bidang keusahawanan dan perniagaan kecil-kecilan yang bercirikan tradisional dan menggunakan bahan-bahan yang berasaskan pertanian seperti membuat kraf tangan dengan menggunakan daun getah, makanan ringan, pemprosesan makanan, jahitan, kedai runcit, perabot, penternakan dan sebagainya. Manakala aktiviti sosial merangkumi aktiviti keagamaan, kemasyarakatan, kesenian, pendidikan dan kesihatan. Aktiviti

tersebut dikategorikan dua dimensi bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajian. Malahan, pemilihan responden juga dipilih berdasarkan penyertaan mereka dalam kedua-dua kategori ini.

1.9 Definisi dan Istilah Operasional

Beberapa definisi konsep dan istilah dalam kajian ini dihuraikan bagi memudahkan pemahaman terhadap kajian yang dibuat. Definisi operasi kajian ini ditetapkan sendiri oleh pengkaji dengan melakukan beberapa pengubahsuaian yang diberikan oleh sarjana yang dirujuk. Ia bertujuan untuk memastikan konsep dan istilah yang digunakan selari dengan maksud kajian. Tujuannya supaya definisi operasi yang diberikan kepada konsep dan istilah-istilah yang berkaitan benar-benar bertepatan dengan maksud kajian yang diusahakan.

1.9.1 Pendayaupayaan

Definisi konsep: Pendayaupayaan merujuk kepada keupayaan individu, organisasi ataupun komuniti mengawal dan menguasai kehidupan dalam aspek ekonomi, sosial, psikologi dan juga politik (Rappaport, 1987; Zimmerman & Rappaport, 1988). Secara khusus ia membawa maksud keupayaan memahami dan menginterpretasikan masalah, membuat keputusan, merancang, mencari dan memobilisasikan sumber, dan seterusnya melaksanakan aktiviti atau projek yang membawa kemajuan kepada kehidupan mereka.

Definisi operasi: Pendayaupayaan dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan ahli-ahli PWPK mengawal dan mempertingkatkan kehidupan dalam aspek ekonomi, sosial dan psikologi setelah terlibat dalam aktiviti PWPK.

i. Pendayaupayaan Ekonomi

Definisi konsep: Pendayaupayaan ekonomi merujuk kepada keupayaan individu atau ahli kumpulan memperoleh pendapatan yang membolehkan mereka memiliki keperluan asas seperti pakaian, makanan, tempat tinggal dan sebagainya (Moyle et al., 2006).

Definisi operasi: Pendayaupayaan ekonomi merujuk kepada keupayaan ahli-ahli PWPK untuk memperolehi dan mempertingkatkan pendapatan dari aspek pendapatan, simpanan dan aset hasil daripada penyertaannya dalam aktiviti penajaan ekonomi tambahan.

ii. Pendayaupayaan Sosial

Definisi konsep: Pendayaupayaan sosial merujuk kepada keupayaan individu mengawal kehidupan dan menguasai persekitaran melalui pembentukan hubungan dan interaksi untuk kesejahteraan hidup dan produktiviti (Mokomane, 2012).

Definisi operasi: Pendayaupayaan sosial merujuk kepada keupayaan individu mengawal kehidupan dengan cara mengawal persekitaran melalui hubungan yang dibina dalam kalangan ahli-ahli PWPK itu sendiri, dan juga hubungan yang dibina dengan PWPK dan pihak lain seperti agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) atau pihak swasta. Bagi mengukur pendayaupayaan sosial, idea modal sosial Putnam (2000) yang terdiri daripada tiga dimensi iaitu ikatan kebersamaan, jalinan hubungan dan jaringan kerjasama digunakan dalam kajian ini.

Ikatan kebersamaan merujuk kepada kekuatan hubungan dalam kalangan ahli PWPK yang dizahirkan menerusi kerjasama, saling sokong menyokong, berkongsi masalah dan pandangan antara satu sama lain bagaimana untuk meningkatkan kemajuan diri dan kumpulan. Manakala jalinan hubungan pula merujuk kepada hubungan dan kerjasama yang dibina dengan PWPK dari mukim atau daerah yang lain. Menerusi jalinan tersebut, mereka berkongsi pengalaman dan pandangan bagaimana untuk menjadikan PWPK mereka sebuah OBK yang efektif dan berjaya.

Seterusnya, jaringan kerjasama pula memperlihatkan bagaimana ahli menjadikan PWPK sebagai saluran untuk mereka membina kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (*Non Government Organization*- NGO), agensi kerajaan yang lain dan pihak swasta bagi meningkatkan keupayaan diri dan perkumpulan.

iii. Pendayaupayaan Psikologi.

Definisi konsep: Pendayaupayaan psikologi merujuk kepada perubahan kualiti personal seseorang individu iaitu dari segi kemampuan personal, kawalan emosi dan pengetahuan mengenai komuniti yang membawa kepada kebolehan untuk membuat keputusan dan pengendalian masalah yang lebih efektif (Moyle et al., 2006).

Pendayaupayaan psikologi merujuk kepada keupayaan individu memperoleh kawalan yang baik ke atas kehidupan mereka, mengambil pendekatan yang positif dan membina kefahaman yang kritikal terhadap persekitaran politik dan sosial (Schulz et al., 1995).

Definisi operasi: Pendayaupayaan psikologi dalam kajian ini pula merujuk perubahan yang positif kepada dimensi psikologi (motivasi dalaman) ahli-ahli

PWPK seperti efikasi diri (*self efficacy*), kebanggaan diri (*self-esteem*) dan tingkah laku proaktif yang diperolehi setelah menyertai PWPK.

Efikasi diri merujuk keupayaan mengawal situasi yang berlaku dalam kehidupannya. Individu yang mempunyai efikasi diri yang tinggi percaya terhadap kebolehan diri untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan setelah menyertai aktiviti PWPK. Manakala kebanggaan diri dalam kajian ini merujuk sejauhmana individu merasakan dirinya baik dan mempunyai nilai serta percaya kepada diri sendiri untuk melaksanakan aktiviti PWPK. Sikap proaktif pula merujuk kepada ciri-ciri personaliti yang memberi implikasi kepada motivasi dan tindakan. Individu yang mempunyai sikap proaktif percaya kepada perubahan yang boleh dibuat untuk mempertingkatkan diri dengan mengambil tindakan yang efektif dan membina sumber untuk mempertingkatkan kehidupan diri dan keluarga.

1.9.2 Pemboleh ubah Bebas: Penyertaan

Definisi Konsep: Penyertaan merujuk kepada penglibatan ahli komuniti dalam proses pembuatan keputusan, pelaksanaan, memperoleh faedah dan juga penilaian di dalam aktiviti atau projek pembangunan (Cohen & Uphoff, 1980).

Definisi Operasi: Penyertaan dirujuk sebagai penglibatan ahli PWPK dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan juga kemasyarakatan di Johor sebagai usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Dalam kajian ini, peringkat penyertaan merujuk kepada penyertaan dalam pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah. Manakala tahap penyertaan merujuk kepada ukuran bagi ketiga-tiga peringkat penyertaan iaitu samada tinggi, sederhana atau rendah. Seterusnya, penyertaan aktif pula merujuk kepada ahli yang terlibat secara langsung dalam aktiviti PWPK. Ahli yang tidak aktif adalah ahli PWPK yang tidak menyertai mana-mana aktiviti PWPK yang dianjurkan.

1.9.3 Variabel Penyederhana: Kepimpinan

Definisi konsep: Menurut Robinson (2011) kepimpinan boleh didefinisikan sebagai proses tingkah laku yang mempengaruhi aktiviti atau kumpulan untuk mencapai matlamat. Ia merupakan hubungan saling mempengaruhi antara pemimpin dan pengikut.

Definisi operasi: Kepimpinan merujuk kepada tingkah laku iaitu gaya kepimpinan pengerusi yang mempengaruhi penyertaan dan juga pendayaupayaan ahli PWK. Model kepimpinan yang digunakan dalam kajian ini berasaskan model FRL oleh Avolio dan Bass (1999) yang mengandungi tiga jenis gaya kepimpinan iaitu kepimpinan Transformasional, Transaksional dan LF.

1.10 Rumusan

Bab ini membincangkan mengenai gambaran keseluruhan penyelidikan yang dilakukan bagi mengkaji hubungan kepimpinan, penyertaan dan juga pendayaupayaan ahli-ahli PWPK di Johor. Secara umumnya bab ini menghuraikan mengenai latar belakang dan permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian yang dicapai melalui kaedah analisis data yang dibincangkan dalam bab tiga (metodologi kajian). Selain itu, hipotesis kajian juga dibina bagi menyokong dapatan kajian dalam perbincangan pada bab empat (dapatan kajian). Seterusnya, bab ini juga menyatakan tentang skop dan limitasi kajian dan definisi dan operasional bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji supaya dapat memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pembaca. Dapatan daripada kajian ini, diharap penulisan ini mampu menyumbangkan kepada satu model baru khususnya terhadap hubungan penyertaan dan pendayaupayaan yang disederhanakan oleh gaya kepimpinan dalam konteks PWPK.

RUJUKAN

- A.Bond, L., Holmes, T. R., Byrne, C., Babchuck, L., & Kirton-Robbins, S. (2008). Movers and shakers: How and why women become and remain engaged in community leadership. *Psychology of Women Quarterly*, 32(1), 48–64.
- Abbott, J. (1995). Community participation and its relationship to community development. *Community Development Journal*, 30(2), 158–168.
- Abraham, J. A. (2011). Measurement of social empowerment of farmers in SHGS: Evidence from India. *International NGO Journal*, 6(12), 255–261.
- Acharya, S., Yoshino, E., Jimba, M., & Wakai, S. (2005). Empowering rural women through a community development approach in Nepal. *Community Development Journal*, 42(1), 34–46.
- Adams, R. (2003). *Social work and empowerment*. Edisi ke-3. New York, NY: Palgrave Macmillan.
- Adedayo, A. (1985). The implications of community leadership for rural development planning in Nigeria. *Community Development Journal*, 20(1), 24–31.
- Ajayi, R. (2006). Women's participation in self-help community development projects in Ndokwa agricultural zone of Delta State, Nigeria. *Community Development Journal*, 41(2), 189–209.
- Antonakis, J., Avolio, B. J., & Sivasubramaniam, N. (2003). Context and leadership: An examination of the nine-factor full-range leadership theory using the multifactor leadership questionnaire. *The Leadership Quarterly*, 14(3), 261–295.
- Arnstein, S. R. (1969). A Ladder of citizen participation. *Journal of the American Institute of Planners*, 35(4), 216–224.
- Aryee, S., Walumbwa, F. O., Zhou, Q., & Hartnell, C. a. (2012). Transformational leadership, innovative behavior, and task performance: test of mediation and moderation processes. *Human Performance*, 25(1), 1–25.
- Asnarulkhadi. (2009). Empowerment as an approach for community development in Malaysia. *World Rural Observations*, 1(2), 63–68.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2006). Participation and quality of life : A study on the people ' s empowerment in a Malay village community. *Pertanika J. Soc.Sci & Human*, 14(1), 11–25.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). Pendayaupayaan komuniti ke arah pemupukan komuniti sivil berkualiti. Dalam *Pembangunan komuniti*:

membina keupayaan dan potensi masyarakat, (hlm. 104–119).
Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Asnarulkhadi Abu Samah, & Aref, F. (2011). The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in processes of community development in Malaysia. *Journal of American Science*, 7(2), 187–195.

Asnarulkhadi Abu Samah, Nobaya Ahmad, & Ndaaji, M. N. (2013). Rural women empowerment through self help groups in Nigeria: The role of participation and volunteerism. *Life Science Journal*, 10(4), 747–753.

Atang, C., & Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli. (2014). Peranan wanita luar bandar dalam melestarikan institusi keluarga. Dalam *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga* (hlm. 1–13).

Avolio, B. J., Zhu, W., Koh, W., & Bhatia, P. (2004). Transformational leadership and organizational commitment: mediating role of psychological empowerment and moderating role of structural distance. *Journal of Organizational Behavior*, 25(8), 951–968.

Azman Ismail, Hasan Al-Banna Mohamed, Ahmad Zaidi Sulaiman, Mohamad Hamran Mohamad, & Munirah Hanim Yusuf. (2011). An empirical study of the relationship between transformational leadership, empowerment and organizational commitment. *Business and Economics Research Jurnal*, 2(1), 89–107.

Babaei, H., Nobaya Ahmad, & Gill, S. S. (2012). Bonding, bridging and linking social capital and psychological empowerment among Squatter Settlements in Tehran, Iran. *J. Basic. Appl. Science*, 2(3), 2639–2645.

Bahaman Abu Samah, Hayrol Azril Mohamed Shaffril, & D'Silva, J. L. (2009). Level of involvement in village administration and development activity among village development and security committee in village vision movement: An analysis of Malaysian case. *European Journal of Scientific Research*, 36(2), 308–317.

Bamberger, M. (1986). *The role of community participation in development planning and project management*. Washington, DC: World Bank.

Banyai, C. (2014). Community leadership: development and the evolution of leadership in Himeshima. *Rural Society*, 19(3), 241–261.

Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W. K. J. W., & Higgins, C. (2001). Organizational research: determining appropriate sample size in survey research appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43.

Bass, B. M. & Avolio, B. J. (1997). *Full range leadership development: Manual for the multifactor leadership questionnaire*. Palo Alto, CA, Mind Garden.

- Bass, B. M., & Avolio, B. J. (1997). *Full range leadership development: manual for the Multifactor Leadership Questionnaire*. Palo Alto, CA: Mindgarden.
- Bass, B. M. (1985). *Leadership performance beyond expectation*. New York, NY: Free Press.
- Bass, B. M. (1990). From transactional to transformational leadership: Learning to share the vision. *Organizational Dynamics*, 18(3), 19–31.
- Bernama. (2012, April 6). Pendekatan 4K perkasakan wanita luar bandar. Bernama. Diambil daripada <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsarchive.php>
- Bess, K. D., Perkins, D. D., Cooper, D. G., & Jones, D. L. (2011). A heuristic framework for understanding the role of participatory decision making in community-based non profit. *Am J Community Psychology*, 47, 236–252.
- Bharathi, R. . (2005). *Assessment of self help groups promoted under NATP on empowerment of women in agriculture*. (Tesis Sarjana). University of Agricultural Sciences, Dharwad.
- Bhuiyan, S. H. (2011). Social Capital and Community Development: An Analysis of Two Cases from India and Bangladesh. *Journal of Asian and African Studies*, 46(6), 533–545.
- Boehm, A., & Staples, L. (2005). Grassroots leadership in task-oriented groups: learning from successful leaders. *Social Work with Group*, 28(2), 37–41.
- Boonyarit, I., Chomphupart, S., & Arin, N. (2010). Leadership, empowerment ,and attitude outcomes. *The Journal of Behavioral Science*, 5(1), 1–14.
- Bowen, G. A. (2008). An analysis of citizen participation in anti-poverty programmes. *Community Development Journal*, 43(1), 65–78.
- Brown, R. B., & Nylander, A. B. (1998). Community leadership structure: differences between rural community leaders' and residents' informational networks. *Community Development Society. Journal*, 29(1), 71–89.
- Brown, T. A. (2006). *Confirmatory factor analysis for applied research*. New York, NY: Guilford Press.
- Bruce J. Avolio & Bernard M. Bass. (1999). Re-examining the components of transformational and transactional leadership using the multifactor leadership questionnaire. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 72, 441–462.

- Buisman, K. (2009). *The understanding of the moderating effect of leadership styles on the relationship between hierarchical conflicts and employee satisfaction*. (Tesis Sarjana). University of Twente, Netherland.
- Burke, E. M. (1968). Citizen participation strategies. *Journal of the American Institute of Planners*, 34(March 2015), 287–294.
- Burkey, S. (1993). People first: a guide to self-reliant participatory rural development. Dalam *People first: a guide to self-reliant participatory rural development*. Diambil dari <http://www.scopus.com/inward/record.url?eid=2-s2.0-17044457343&partnerID=40&md5=0c188376d3de55f579a4a077fbee502c>
- Burpitt, W., & Bigoness, W. (1997). Leadership and innovation among teams: The impact of empowerment. *Small Group Research*, 28(3), 414–423.
- Byrne, B. M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications and programming*. Edisi ke-2. New York, NY: Routledge Taylor & Francis Group.
- Chaudhry, A. Q. (2012). Impact of transactional and laissez faire leadership style on motivation. *International Journal of Business and Social Sciences*, 3(7), 258–264.
- Chi, H.-K., Lan, C.-H., & Dorjgotov, B. (2012). The moderating effect of transformational leadership on knowledge management and organizational effectiveness. *Social Behavior and Personality*, 40(6), 1015–1023.
- Chibucos, T. R., Leite, R. W., & Weis, D. L. (2004). Social exchange theory. *Readings in Family Theory*, 137–182.
- Chisolm, R. H. (2006). *Rural leadership: A case study of this factors that influence economic development in two rural communities in South Carolina*. (Tesis PhD). Capella University.
- Choguill, M. B. G. (1996). A ladder of community participation for underdeveloped countries. *Habitat International*, 20(3), 431–444.
- Christens, B. D., Peterson, N. A., & Speer, P. W. (2011). Community participation and psychological empowerment: Testing reciprocal causality using a cross-lagged panel design and latent constructs. *Health Education & Behavior*, 38(4), 339–47.
- Chua, Y. P. (2009). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc.Graw Hill.
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling Techniques*. Edisi ke-3. New York: John Wiley & Sons.
- Cohen, J. M., & Uphoff, N. T. (1980). Participation's place in rural development: Seeking clarity through specificity. *World Development*, 8(3), 213–235.

Diambil dari
<http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0305750X8090011X>

